

Engku Rozidar Tengku Zainol Abidin memegang kelulusan *Master of Arts Degree in International Relations* daripada Nottingham University, United Kingdom. Beliau juga turut mempunyai ijazah *B.A (Hons.) in English Literature* dan *B.Ed Teaching of English as a Second Language* daripada sebuah universiti di Kanada. Kini beliau merupakan Pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif di Nineteen O One Sdn. Bhd.



WANITA PENJANA *Ekonomi Negara*

Salam sejahtera saya ucapkan kepada pembaca Nona yang saya hormati sekalian. Bertemu kita sekali lagi di ruangan motivasi bulan ini di mana saya akan berkongsi pendapat mengenai isu perlunya wanita memainkan peranan dalam membina ekonomi negara kita yang tercinta ini.

Isu ini sudah lama dibentangkan dan dibincangkan, masyarakat dunia masih belum dapat mencari jalan tengah yang terang di mana golongan wanita dapat memainkan peranan yang aktif dalam membantu menjana ekonomi dunia dan buat masa yang akan datang, melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga sendiri agar masalah sosial pula tidak juga menjadi masalah.

Malah sosial yang serius di dalam mana-mana masyarakat akan secara tidak langsung memberi impak yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara tersebut.

Sebelum ini, pada suatu ketika dahulu, saya pernah berpendapat kenapa wanita yang perlu ditungkus-lumus untuk membantu menjana ekonomi negara sedangkan tanggungjawab kaum wanita semestinya adalah terhadap menguruskan keluarga kita sendiri agar ahli keluarga lelaki kita dapat mencari rezeki di luar dengan hati yang tenang dan fikiran yang fokus. Pendapat ini kini berubah kerana beberapa faktor seperti berikut.

Mengikut profil populasi dunia 2013 *Index Mundi*, nisbah lebihnya kaum lelaki dan kaum wanita sedunia adalah 1.011 atau 50.3% lelaki berbanding 49.7% wanita, tetapi mengikut data *The World Bank*, statistik di Malaysia menunjukkan bahawa kaum wanita melebihi kaum lelaki sebanyak 51.5% berbanding populasi kaum lelaki 48.5%.

Persekitaran bermakna adalah mustahil kaum lelaki mampu menampung keperluan ekonomi negara tanpa sokongan daripada kaum wanita.

Negara kita tidak mampu berkembang maju tanpa penglibatan kaum wanita. Mempertingkatkan peluang ekonomi wanita di negara ini adalah kritikal untuk memastikan agenda untuk meningkatkan pendapatan negara tercapai. Peningkatan kaum wanita dalam tenaga buruh akan memastikan modal ehsan negara dan Keluaran Dalam Negeri Kasar atau GDP (*gross domestic product*) akan juga meningkat.

Kepada kaum wanita sekalian, kita juga perlu ada satu mindset shift dan menukar cara berfikir. Peranan kita dalam ekonomi negara adalah suatu keperluan demi masa depan anak-anak kita, keluarga, bangsa dan negara.

Kajian ekonomi *McKinsey* telah menyatakan bahawa penglibatan kaum wanita di Malaysia di dalam semua sektor ekonomi boleh meningkatkan kenaikan KDNK atau GDP negara diantara 6 billion ringgit sehingga 9 billion ringgit.

Bagaimanapun, mengikut statistik tahun 2010 (seperti yang dilaporkan oleh Unit Penyelidikan Parlimen Malaysia) diantara 500,000 – 2.3 juta wanita yang sepatutnya berkerjaya tetapi menghilangkan diri daripada senario ekonomi negara.

Angka ini dikatakan adalah sama banyak dengan mereka yang telah meninggalkan negara.

Ini untuk bekerja di luar negara yang menyebabkan *brain drain* atau ketandusan bakat minda di dalam negara.

Kaum wanita juga bukan hanya perlu menyumbang dari segi meramaikan tenaga kerja, tetapi kualiti penglibatan mereka yang tinggi juga tidak dapat disangkal lagi. Sebagai contoh, *Credit Suisse Research Institute* (2012) dalam menyelidik prestasi 2,360 buah syarikat sedunia selama 6 tahun mendapati secara purata adalah lebih bijak untuk melabur di dalam sebuah syarikat yang mempunyai kaum wanita di tahap pengurusan mereka.

Ini adalah kerana syarikat yang mempunyai satu atau lebih wanita di tahap pengurusan syarikat mereka telah memberi pulangan saham yang lebih tinggi, risiko yang lebih rendah, pertumbuhan syarikat yang lebih baik dan secara keseluruhannya memberikan nilai yang lebih tinggi kepada syarikat di mana kaum wanita berada.

Ingin juga saya berkongsi di sini, laporan Pembangunan *World Bank* 2012 yang menyatakan bahawa nisbah graduan perempuan kepada lelaki di Malaysia adalah 60:40. Nisbah ini sahaja sekali lagi menunjukkan kenapa golongan wanita harus memainkan peranan kita dan berganding bahu dalam memastikan kemakmuran ekonomi negara. Jadi kenapa ramai daripada kaum wanita yang masih lagi tidak berkerjaya di Malaysia?

Salah satu sebab yang utama adalah keadaan di luar yang tidak peka dan mempertimbangkan keperluan kaum wanita di mana kita juga perlu memainkan peranan yang sama pentingnya sebagai isteri, ibu atau anak di dalam rumahtangga kita sendiri. *Infrasuktur* bekerja yang terdapat di luar tidak membolehkan keadaan yang tenang untuk seorang wanita.

Sebagai contoh, tidak terdapat pusat penjagaan kanak-kanak yang diiktiraf di tempat-tempat bekerja supaya si ibu dapat meninggalkan anak-anak mereka di pusat-pusat tersebut dengan hati yang tenang.

Keadaan bekerja yang tidak fleksibel masanya memerlukan si ibu berada di tempat bekerja walaupun sebenarnya kerja tersebut tidak memerlukan beliau berada secara fizikal di tempat kerja. KPI kerja (indeks prestasi utama) harus diubah yang mengukur produktiviti kerja yang diselesaikan berbanding masa yang dihabiskan di tempat kerja.

Ramai juga wanita yang sekiranya suami mereka mampu memilih untuk tidak berkerjaya kerana merasakan tidak upaya untuk mengendalikn tekanan kerjaya dan juga tekanan menguruskan hal keluarga di rumah. Sekiranya, semua sektor tidak bekerjasama untuk cuba menangani masalah ini secara kolektif, tidak mungkin Malaysia akan terus dapat berdaya saing dengan negara-negara lain kerana masalah kekurangan modal ehsan adalah satu masalah yang cukup serius.

Kepada kaum wanita sekalian, kita juga perlu ada satu mindset shift dan menukar cara berfikir. Peranan kita dalam ekonomi negara adalah suatu keperluan demi masa depan anak-anak kita, keluarga, bangsa dan negara.

Sempena meraikan NONA 3 dekad saya ingin mengucapkan tahniah kerana kekal unggul sebagai majalah gaya hidup wanita terbaik di Malaysia. Semoga terus sukses dan terus memberikan informasi buat semua pembaca.

Sehingga kita bertemu di edisi Nona akan datang, insyaAllah jangan lupa untuk terus. *Look Good, Be Good, Do Good.*

Shurah
Yakin dan Pasti

Ini adalah kerana syarikat yang mempunyai satu atau lebih wanita di tahap pengurusan syarikat mereka telah memberi pulangan saham yang lebih tinggi, risiko yang lebih rendah, pertumbuhan syarikat yang lebih baik dan secara keseluruhannya memberikan nilai yang lebih tinggi kepada syarikat di mana kaum wanita berada.

Intan Ladiyana

Intan Ladiyana
Penerus & Pengurus
Lulus Matrikulasi



Shurah
QAIRA
KRAM SIANG



Shurah Qaira menyerlahkan kulit wajah yang awet muda, lembap, anjal dan cerah berseri.

Shurah Qaira merupakan rangkaian lengkap prosedur pemazaman kulit yang dapat mengekalkan keremajaan kulit anda. Rangkaian ini diformulasikan dengan Astaxanthin, sejenis antioksidan semula jadi yang 1000 kali lebih berkesan daripada Vitamin E. Ia dapat membuka sel-sel kulit dan menggalakkan pembentukan kolagen untuk kulit yang lebih anjal dan lembap. Formula ini juga mengandungi Gumbell Bioactive dan Aloe Vera untuk kulit yang cerah, lembat, bersinar dan berseri.

Rangkaian lengkap Shurah Qaira daripada siang hingga malam, menyerlahkan keremajaan kulit anda.



Rangkaian lengkap Shurah Qaira daripada siang hingga malam



Shurah-Malaysia



Shurah-Malaysia

www.shurah.com.my

Etanac Corporation Sdn Bhd. (101310131)

CSR No: 000027390

Achievement

8 : 400 - 401